

PROGRAM PEMULIHAN AKHLAK REMAJA DELINKUEN DI PUSAT PEMULIHAN AKHLAK KELOLAAN JABATAN PENJARA MALAYSIA DAN JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
THE MORAL REHABILITATION PROGRAMME OF DELINQUENCES AT THE MORAL REHABILITATION CENTER OF THE MALAYSIAN PRISONS DEPARTMENT AND COMMUNITY WELFARE DEPARTMENT

Mariam Abd Majid^{1*}, Nurzatil Ismah Azizan², Noor Hafizah Mohd Haridi³, Noraini Mohamad⁴, Abur Hamdi Usman⁵, Zainab Ismail⁶ & Aisyah Humairak Abdul Rahman⁷

¹Pensyarah Kanan, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), mariam@kuis.edu.my.

²Pensyarah, Jabatan Al-Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, KUIS, nurzatil@kuis.edu.my.

³Pensyarah, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), noorhafizah@kuis.edu.my.

⁴Pensyarah, Jabatan Kefahaman & Pemikiran Islam (JKPI), Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), norainimohamad@kuis.edu.my.

⁵Pensyarah Kanan, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), aburhamdi@kuis.edu.my.

⁶Pengarah, Akademik dan Jaminan Kualiti, Kolej Dar al-Hikmah, zainab@hukmah.edu.my.

⁷Pembantu Penyelidik, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 21mt09001@student.kuis.edu.my.

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 16 Mac 2023

| Selepas Pembetulan: 13 April 2023

| Diterima untuk terbit: 29 Mei 2023

Abstrak

Gejala delinkuen yang berlaku dalam kalangan remaja semakin meruncing di Malaysia. Statistik menunjukkan peningkatan pembabitian golongan remaja dalam tingkah laku delinkuen. Penubuhan pusat pemulihan akhlak remaja merupakan antara inisiatif pihak kerajaan, persendirian, majlis agama serta organisasi bukan kerajaan melaksanakan program pemulihan. Artikel ini bertujuan mengemukakan program-program yang dilaksanakan terhadap remaja di pusat pemulihan akhlak kelolaan Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kajian ini adalah kajian kualitatif dengan rekabentuk etnografi. Data kajian diperolehi menerusi protokol temu bual separa struktur. Hasil temubual mendapati program-program pemulihan akhlak yang dilaksanakan di pusat pemulihan akhlak remaja kelolaan Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat di Malaysia memberi tumpuan terhadap aspek pembangunan spiritual dan fizikal. Pelaksanaan program berupaya membangun jati diri remaja delinkuen di pusat pemulihan.

Kata kunci

Program, Pemulihan Akhlak, Remaja Delinkuen, Pusat Pemulihan Akhlak, Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat

Abstract

The symptoms of delinquency among teenagers are getting worse in Malaysia. Statistics show an increase in the involvement of teenagers in delinquent behavior. The establishment of juvenile moral rehabilitation centers is one of the initiatives of the government, private parties, religious councils and non-governmental organizations to implement rehabilitation programs. This article aims to present the programs implemented for teenagers in moral rehabilitation centers managed by the Malaysian Prisons Department and the Social Welfare Department. This study is a qualitative study with an ethnographic design. Research data was obtained through a semi-structured interview protocol. The results of the interviews found that moral rehabilitation programs implemented in youth moral rehabilitation centers managed by the Malaysian Prisons Department and the Social Welfare Department in Malaysia focus on aspects of spiritual and physical development. The implementation of the program seeks to develop the identity of delinquent teenagers in rehabilitation centers.

Keywords

Program, Rehabilitation, Adolescent Delinquent, Moral Rehabilitation Center, Malaysian Prisons Department, Community Welfare Department

1.0 Pendahuluan

Tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja merupakan fenomena yang sering dipaparkan di media massa. Permasalahan sosial dalam kalangan remaja di Malaysia menunjukkan peningkatan hampir setiap tahun. Rekod menunjukkan bahawa majoriti golongan yang terjebak dalam kes dadah melibatkan generasi muda yang berumur 13-39 tahun manakala faktor utama yang menyumbang penglibatan mereka adalah pengaruh rakan sebaya iaitu sebanyak 16,209 orang (Agensi Anti Dadah Kebangsaan 2018). Manakala kes remaja hamil luar nikah yang dilaporkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah sebanyak 3,938 kes pada tahun 2016 dan 3,694 kes tersebut pada tahun 2017 manakala sedikit penurunan pada tahun 2018 iaitu sebanyak 2,873 kes yang dilaporkan (Kementerian Kesihatan Malaysia 2019). Kadar peningkatan ini menjadi indikator fenomena permasalahan sosial yang kritikal dalam kalangan remaja. Pelbagai jenis delinkuen sosial yang melibatkan pelajar sekolah bermula dari salah laku ringan seperti lewat ke sekolah, ponteng kelas dan melanggar peraturan sekolah, diikuti salah laku sederhana seperti melawan guru, menghisap rokok, membuli seterusnya salah laku berat seperti pergaulan seks bebas, mengandung dan melahirkan anak luar nikah, pembuangan bayi, penagihan dadah dan rogol dilaporkan hampir setiap hari dalam media massa (Tunggak, B., Ngadi, S. & Abu Naim, H., 2015). Kajian Abu Bakar dan Hamzah (2019) mengemukakan jenis kesalahan yang direkodkan di pusat pemulihan akhlak remaja di negeri Selangor iaitu sebanyak 27.1 % keganasan, 48.6 % salah laku seks, 7.1 % salah guna dadah serta 17.1% terlibat dengan lain-lain salah laku sosial. Data kajian ini menunjukkan penglibatan remaja di pusat pemulihan akhlak dalam kes salah laku seks paling tinggi berbanding kes-kes yang lain. Berikut adalah laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2018 berkaitan jenis kesalahan remaja yang terlibat dengan jenayah mengikut jenis kesalahan dan jantina:

Jadual 1: Statistik Remaja Terlibat Jenis Kesalahan Jenayah

Jenis Kesalahan	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Bersabit dengan harta benda	1,325	78	1,403
Bersabit dengan orang	684	8	692
Akta kesalahan kecil	95	2	97
Melanggar syarat pengawasan	4	1	5
Dadah	1,636	108	1,744
Judi	62	7	69
Senjata bahan api	35	0	35
Lalulintas	585	13	598
Lari dari sekolah diluluskan	7	0	7
Lain-lain	571	73	644
Jumlah	5,004	290	5,294

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat (2018)

Merujuk kepada jadual 1, jumlah keseluruhan remaja yang terlibat dengan salah laku adalah seramai 5,294 orang. Terdapat 5,004 kesalahan yang melibatkan remaja lelaki manakala 209 kesalahan adalah daripada kalangan remaja perempuan. Angka ini menunjukkan remaja lelaki lebih ramai melakukan kesalahan berbanding remaja perempuan dan kesemua remaja yang disabitkan dengan kesalahan adalah berumur 10 sehingga 21 tahun.

Delinkuensi secara tipikalnya merujuk kepada aktiviti-aktiviti yang salah atau konflik dengan norma sosial dan kadang kala berkait dengan tingkah laku keganasan dan anti sosial (Yusmadini, 2016). Tingkah laku delinkuen merujuk kepada tingkah laku remaja yang melanggar peraturan atau undang-undang. Kes delinkuen remaja dirujuk mengikut Akta Kanak-Kanak 2001 (Saparudin, I. F. & Che Soh, S. N., 2018). Terdapat beberapa contoh kes melibatkan tingkah laku delinkuen remaja yang berlaku di Malaysia antaranya kes kebakaran terancang di Asrama Pusat Tahfiz Darul Ittifaqiyah, Keramat, Kuala

Lumpur menyebabkan kematian 22 orang pelajar tahfiz dalam kebakaran tersebut. Selain itu, kes jenayah remaja yang dilakukan secara beramai-ramai melibatkan tingkah laku agresif dan buli sehingga mengakibatkan kematian seorang penuntut Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Pegawai Kadet Zulfarhan Osman Zulkainain (Alimin, N. A., 2020 & Daud 2021).

Berdasarkan statistik kes delinkuen dalam kalangan remaja yang berlaku ini, isu delinkuen dalam kalangan remaja seperti ini tidak boleh dipandang ringan. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan khususnya oleh pihak kerajaan bagi membendung kes-kes delinkuen dalam kalangan remaja daripada terus meruncing antaranya mewujudkan pusat-pusat bagi remaja delinkuen mengikuti program pemulihan akhlak melalui pengisian dan modul pemulihan yang dirangka. Di Malaysia, program pemulihan akhlak dijalankan melalui dua platform iaitu sama ada di pusat-pusat pemulihan yang diwujudkan atau dalam komuniti (Nurul Husna Mansor, 2016; Nursyahidah Ibrahim, Nurul Husna Mansor & Yusmini Md Yusoff, 2020). Kajian Muhammad Khairul dan Lai (2021) menjelaskan modul pemulihan komprehensif yang dilaksanakan di pusat pemulihan akhlak kelolaan Jabatan Penjara Malaysia (JPM) secara keseluruhannya memberikan kesan yang positif. Ini menunjukkan modul program pemulihan yang dilaksanakan bagi proses pemulihan akhlak remaja di pusat pemulihan ini memberi impak positif dalam fasa penyediaan diri pelatih. Kajian Khairul Hamimah dan Nurul Husna (2019) mendapati program pemulihan yang dijalankan di salah satu pusat pemulihan akhlak kelolaan JKM diterima baik para pelatih kerana memenuhi keperluan mereka dalam melakukan transformasi diri ke arah yang lebih baik. Sehubungan ini, artikel ini bertujuan meneroka program-program yang dilaksanakan di kedua kategori pusat pemulihan akhlak ini bagi dikemukakan kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam usaha membangun jati diri remaja delinkuen pada masakini.

2.0 Penglibatan Remaja Dalam Tingkah Laku Delinkuen

Kepesatan kemajuan teknologi adalah antara faktor yang menyumbang terhadap penglibatan golongan remaja dalam salah laku sosial. Fenomena ini berlaku ekoran perubahan cara hidup dalam arus kemodenan yang memberi kesan kepada sikap dan tingkah laku mereka. Anak-anak remaja mudah terdedah kepada pelbagai unsur yang mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku seharian. Menurut Wan Najihah et. al. (2022) masa remaja merupakan fasa peralihan dari peringkat kanak-kanak menuju dewasa. Peringkat remaja masih belum mencapai tahap kematangan kerana usia remaja bermula dari 13 tahun hingga 21 tahun. Pada peringkat ini, remaja mengalami pertumbuhan cepat serta perubahan dalam pelbagai aspek iaitu dari bentuk jasmani, sikap, cara berfikir dan bertindak.

Fasa usia muda remaja selalunya dikaitkan dengan tingkah laku kenakalan. Umah (2016) menyatakan istilah *juvenile* berasal dari bahasa Latin "juvenilis" iaitu bermakna anak-anak, anak muda, ciri karakteristik pada masa muda, sifat-sifat khas pada masa remaja. Delinkuen pula berasal dari bahasa Latin "*delinquere*" bermaksud terabaikan, mengabaikan dan diperluas pengertiannya menjadi jahat, antisosial, jenayah, melanggar peraturan, tidak dapat diperbaiki lagi, durjana dan lain-lain. Puteri (2019) mentakrifkan remaja delinkuen ialah anak-anak muda yang selalu melakukan kejahatan, rendah tahap

motivasi untuk mendapatkan perhatian, status sosial dan penghargaan daripada persekitaran mereka. Noor Hafizah, Norsaleha & Khairul Hamimah (2019) menjelaskan tingkah laku delinkuen merujuk kepada pola-pola tingkah laku daripada jenayah berunsur keganasan terhadap orang dan harta benda.

Masa remaja adalah tempoh mereka mencari identiti diri dan ibu bapa harus berperanan aktif dalam hal menerapkan pola asuh yang baik serta memahami psikologi remaja agar tidak berlaku salah didikan yang boleh mendatangkan implikasi buruk apabila remaja meningkat dewasa seperti menjadi pembangkang dalam keluarga, rakan sebaya, sekolah, masyarakat dan media massa. Menurut Andriyani (2020), sebahagian anak ketika usia remaja banyak menimbulkan masalah bermula daripada masalah peribadi, masalah keluarga sehingga masalah dengan lingkungan sosialnya. Tingkah laku nakal pada remaja selalu membawa kerugian pada diri sendiri dan orang lain. Ianya bermula dengan rasa ingin tahu sehingga pada akhirnya tingkah laku tersebut menjadi kebiasaan sekali gus membentuk karakter seseorang remaja. Keadaan ini berlaku disebabkan pelbagai faktor antaranya keluarga, rakan sebaya, sekolah, masyarakat dan media massa (Umah 2016).

Golongan remaja sangat memerlukan bimbingan dan panduan bagi membentuk jati diri yang kukuh untuk menangkis segala pengaruh negatif yang boleh merosakkan masa hadapan mereka. Pendidikan awal yang paling memberi kesan terhadap jiwa anak-anak bermula daripada ibu bapa mereka di rumah (Mastura Bohari & Farawahida Mohd Yusof, 2020).

Penglibatan golongan remaja dalam salah laku delinkuen membuktikan kerapuhan jati diri yang dimiliki. Sehubungan itu, pembentukan jati diri sangat penting dan signifikan diperkukuhkan untuk mengelakkan remaja daripada terlibat dalam tingkah laku negatif yang merosakkan diri (Azizan, N. I. & Mohd Yusoff, Z., 2018). Sebaliknya, golongan remaja yang memiliki jati diri yang kukuh bukan sahaja mempunyai konsep sendiri yang tinggi tetapi berupaya menghalang diri daripada terjebak dalam permasalahan sosial dan tingkah laku delinkuen (Che Hassan, N., 2014). Jati diri atau *huwiyah* diertikan sebagai sifat-sifat atau watak asli yang perlu dimiliki oleh individu atau bangsa yang membentuk identiti serta perwatakan bangsa tersebut. Jati diri juga merujuk kepada identiti diri yang sebenarnya atau asli yang dimiliki oleh seseorang termasuk nilai-nilai yang menjadi pegangannya. Ia merujuk kepada identiti diri yang masih utuh dengan nilai-nilai adat, budaya, agama, bangsa dan juga negara. Agama memberi manusia pandangan yang jelas tentang diri dan merubah jiwa dengan identiti dan jati diri yang amat serasi, bernilai dan hakiki (Ismail, A. M., Stapa, Z. & Suhaimi, S. A., 2012). Jati diri dan Islam saling berkait rapat dalam pembinaan untuk keperibadian seseorang. Jati diri dalam Islam adalah keperibadian seseorang yang dibangunkan berasaskan penghayatan dan pengamalan ajaran Islam. Kaedah yang berkesan untuk mengembalikan dan meningkatkan kekuatan jati diri remaja adalah dengan mengembalikan mereka kepada penghayatan agama yang sebenar berdasarkan kepada asas-asas pendidikan al-Quran dan al-Sunnah (Ismail, A. M., Stapa, Z. & Suhaimi, S. A., 2012).

Golongan remaja yang terlanjur terlibat dalam isu delinkuen perlu diberikan perhatian dan bantuan bimbingan, pemulihan dan pembangunan jati diri. Umah (2016) berpandangan bahawa salah satu kaedah untuk mencegah kenakalan remaja ialah

dengan menanamkan bimbingan agama Islam semenjak daripada kecil lagi. Penerapan nilai pendidikan Islam merupakan elemen yang sangat kukuh untuk membentengi diri daripada segala unsur negatif. Pelaksanaan program kerohanian yang menumpukan kepada pengukuhan akidah, ibadah dan akhlak dilihat menjadi platform penting dalam mempersiapkan remaja delinkuen agar memiliki kualiti hidup dari aspek pembangunan diri secara holistik (Khairul Hamimah dan Nurul Husna, 2019). Penghayatan agama dalam diri seseorang remaja berupaya memupuk nilai-nilai Islami untuk memperkukuh tahap keimanan dan ketakwaan pada setiap individu muslim.

3.0 Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian kualitatif dan menggunakan protokol temu bual separa berstruktur sebagai instrumen pengumpulan data kajian. Reka bentuk kajian ini adalah kajian etnografi. Kajian etnografi merupakan kajian yang mengumpul data naratif untuk menjawab sesuatu persoalan dalam situasi alamiah yang berupaya menyingkap situasi sebenar seseorang individu, masyarakat atau etnik mengenai pengalaman seharian yang mencakupi pelbagai aspek, bahasa, budaya, sosial, agama, moral, etika dan sebagainya (Othman Lebar, 2022). Di samping itu, kajian etnografi juga mengkaji pengalaman dan persepsi mereka untuk mendapatkan pandangan dalaman mengenai peristiwa dan aktiviti tersebut. Etnografi juga didefinisikan sebagai *portrait of a people*, merupakan metodologi untuk kajian deskriptif tentang budaya yang biasanya merujuk kepada kepercayaan, nilai dan sikap yang menstrukturkan pola-pola perlakuan kelompok manusia tertentu (Carroll et al., 2010). Menerusi kajian etnografi ini pengkaji meneroka bentuk-bentuk salah laku dan faktor yang menyebabkan golongan remaja terjebak dengan salah laku delinkuen.

Pengkaji mempunyai set soalan spesifik yang dapat mencungkil maklumat daripada peserta kajian. Protokol temu bual mempunyai 10 soalan terbuka yang membolehkan peserta kajian memberi persepsi mereka terhadap bagaimana pelaksanaan program pemulihan akhlak remaja delinkuen yang dijalankan di pusat-pusat pemulihan akhlak di Malaysia. Soalan terbuka menetapkan topik untuk diteroka sementara membenarkan peserta kajian untuk mengambil mana-mana aspek yang mereka inginkan tanpa andaian kepada sesuatu jawapan.

Selain daripada temu bual, kajian ini juga menggunakan dokumen sebagai data sokongan dan bukti tambahan data yang diperolehi daripada sumber lain (Yin, 1994). Menurut Merriam (1998) dokumen merangkumi segala bahan bertulis, visual dan fizikal yang sedia ada dan relevan dengan kajian. Manakala Cresswell (2012) berpendapat jenis dokumen yang dipilih untuk mengumpul data kualitatif mesti membekalkan informasi untuk menjawab soalan kajian, mendapat kebenaran daripada pihak berkenaan. Analisis dokumen dalam kajian ini dikemukakan sebagai pengukuhan atau bukti bahawa program yang dilaksanakan mempunyai impak positif dalam memastikan golongan remaja yang terlibat dalam salah laku delinkuen ini tidak terjebak kembali dalam permasalahan sosial.

3.1 Lokasi Kajian

Dua kategori pusat pemulihan akhlak dipilih sebagai sampel kajian iaitu pusat pemulihan akhlak kelolaan Jabatan Penjara Malaysia dan pusat pemulihan akhlak kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Justifikasi pemilihan berasaskan kategori pusat pemulihan dan program yang disediakan secara khusus dan sistematik dalam fasa pemulihan akhlak remaja delinkuen.

3.1.1 Pusat Pemulihan Akhlak Kelolaan Jabatan Penjara Malaysia

Pusat pemulihan ini ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Mahkamah Juvana 1947 [Akta 90] untuk menjaga pesalah di bawah umur 18 tahun. Pusat ini ditubuhkan bermula pada tahun 1949 di bawah kelolaan Jabatan Penjara Malaysia (JPM). JPM merupakan badan yang bertanggungjawab memastikan golongan remaja yang mempunyai masalah tingkah laku menjalani pemulihan yang komprehensif bagi memastikan mereka menjadi anggota masyarakat yang dapat menyumbang manfaat kepada negara.

3.1.2 Pusat Pemulihan Akhlak Kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat

Pusat ini diwujudkan bertujuan memberi pendidikan, latihan serta penahanan kanak-kanak yang ditetapkan di bawah seksyen 65 Akta Kanak-Kanak 2001. Objektif penubuhan pusat ini untuk memberi pemulihan akhlak kepada kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah dan mendidik kanak-kanak membina sikap positif, membentuk peribadi yang kukuh serta melengkapkan diri dengan keterampilan bagi membolehkan mereka hidup berdikari dalam masyarakat.

Kategori kanak-kanak di pusat ini adalah yang berusia sepuluh tahun ke atas dan didapati bersalah dalam sebarang kesalahan serta memerlukan pemulihan keinstitutional. Kesalahan yang dilakukan pula adalah bukan kes yang serius namun pesalah tersebut perlu ditahan selama beberapa tempoh serta diletakkan di bawah apa-apa ajaran dan tatatertib yang didapati paling berfaedah bagi pemulihan akhlak. Tempoh pemulihan di pusat ini adalah selama tiga tahun namun boleh dibebaskan sebelum tamat tempoh dengan kelulusan Kuasa Menteri atau Lembaga Pelawat.

3.2 Informan Kajian

Menurut Cresswell (2012) bilangan informan kualitatif yang ideal adalah dalam lingkungan 3 hingga 10 orang tertakluk kepada keperluan kajian. Kajian ini menemubual tiga orang informan daripada dua buah pusat pemulihan akhlak yang dipilih. Menurut Airasian & Gay (2003) terdapat dua panduan digunakan untuk menentukan pemilihan peserta kajian adalah mencukupi. Pertama, sejauhmana informan kajian yang dipilih mewakili potensi peserta dalam kajian yang dilaksanakan. Kedua, pertindanan maklumat yang diperolehi daripada peserta kajian. Kajian telah memilih teknik persampelan bertujuan dengan memilih empat orang informan daripada kumpulan heterogeneous berdasarkan kriteria berikut:

1. Informan tersebut merupakan kakitangan di pusat pemulihan akhlak remaja delinkuen. Kategori informan terdiri daripada pegawai psikologi, ketua unit agama dan pengetua.
2. Berpengalaman menguruskan program pemulihan akhlak berkaitan remaja delinkuen.

Jadual 2: Senarai Informan

Informan	Jantina	Tempoh Perkhidmatan	Sekolah/Pusat	Jawatan
Informan 1	Lelaki	15 tahun	Institusi kelolaan Jabatan Penjara Malaysia	Pegawai Psikologi
Informan 2	Lelaki	10 tahun	Institusi kelolaan Jabatan Penjara Malaysia	Pegawai Hal Ehwal Agama
Informan 3	Lelaki	7 tahun	Institusi kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat	Pegawai Psikologi
Informan 4	Perempuan	20 tahun	Institusi kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat	Pengetua

3.3 Analisis Data

Kajian ini menggunakan pendekatan semulajadi atau *natural approach* untuk memahami suatu fenomena dalam konteks yang khusus. Kajian lapangan adalah strategi penyelidikan yang sesuai untuk meneroka bidang kajian untuk mengetahui secara mendalam keadaan sebenar kumpulan atau kejadian tertentu. Kajian lapangan dijalankan dalam keadaan semula jadi dan tertumpu pada konteks situasi tertentu (Jasmi, 2021).

Pemilihan sampel dilakukan dengan memilih informan daripada kumpulan *homogenous* tetapi dapat memberikan maklumat yang pelbagai. Informan bagi kajian ini dipilih berdasarkan kriteria keperluan kajian. Bagi menjangkakan soalan-soalan yang dapat memberikan maklumat yang lebih baik, transkrip temu bual yang telah melalui kajian rintis sebelum temu bual sebenar diambil kira. Pengkaji memilih dua orang informan yang mempunyai ciri yang sama dengan sampel kajian sebenar untuk ditemu bual bagi melihat kesesuaian soalan. Sebaik sahaja proses temu bual dan pengumpulan data kajian sebenar dilakukan, pengkaji melengkapkan transkripsi dan mengembalikan semula transkripsi kepada informan untuk disahkan. Setelah transkripsi disemak, informan menandatangani borang pengesahan temu bual bagi mengesahkan maklumat temu bual. Transkripsi temubual yang disahkan dianalisis menggunakan perisian Atlas Ti bagi menyimpan dan pengkodan data. Penggunaan perisian Atlas Ti ini membantu

pengkaji dalam mengenal pasti segmen teks, meletakkan label-label kategori kepada segmen serta menyusun atur semua segmen teks yang berkaitan dengan kategori-kategori spesifik (Othman Lebar, 2022).

Tema dan sub tema tersebut kemudiannya disahkan oleh pakar melalui pengiraan Cohen Kappa. Seramai tiga orang pakar dilantik untuk membuat semakan tema dan subtema dan sub tema dan sub tema. Jadual 2 di bawah merupakan senarai latar belakang pakar yang membuat persetujuan dalam pembinaan tema dan sub tema.

Jadual 3: Pakar dan Kepakaran Bagi Tahap Persetujuan Cohen Kappa

Bil	Nama	Kepakaran	Tahap Persetujuan (Cohen Kappa)
1	Pakar A	Aklak & Moral, Pembangunan Remaja	1.0
2	Pakar B	Dakwah & Pembangunan Insan	1.0
3	Pakar C	Dakwah & Pembangunan Insan	0.72
Nilai K			0.90

Tahap keseluruhan persetujuan pakar terhadap tema dan sub tema berdasarkan pengiraan Cohen Kappa adalah **0.90** Jadual 3 di bawah menunjukkan tahap persetujuan berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 4: Skala Persetujuan Cohen Kappa

Nilai Kappa	Skala Interpretasi
> 0.90	Sangat Tinggi
0.70 - 0.89	Tinggi
0.30 - 0.69	Sederhana
<0.30	Rendah

Terdapat enam langkah dalam pelaksanaan fasa temubual. Langkah-langkah tersebut adalah berdasarkan model analisis keperluan. Pendekatan ini menekankan keperluan memahami masalah yang dikaji sebelum mencari penyelesaian kepada masalah tersebut (Ghazali & Sufean 2018). Enam langkah tersebut adalah seperti berikut:

Langkah Pertama: Mengenal pasti atau menilai masalah yang wujud iaitu mengenal pasti elemen masalah yang berkaitan.

Langkah Kedua: Menentukan tujuan analisis keperluan yang dilakukan agar keseluruhan proses itu jelas.

Langkah Ketiga: Pemilihan teknik dan instrumen untuk pengumpulan data. Dalam konteks kajian ini, instrumen temu bual separa struktur digunakan.

Langkah Keempat: Membangunkan perancangan temubual.

Langkah Kelima: Membangunkan protokol temu bual.

Langkah Keenam: Analisis dan pembentangan dalam keseluruhan proses.

Proses penganalisan data bermula selepas kutipan data selesai dilakukan. Proses penganalisan data bermula dengan proses transkripsi. Proses ini melibatkan penyalinan semula data-data dalam bentuk rakaman audio yang mengandungi temu bual dengan informan serta peserta kajian. Proses ini dilakukan dengan menyeluruh setiap perkataan yang didengar. Proses ini dapat memberi peluang kepada penyelidik menyelami setiap data yang diperoleh dan memperoleh pertimbangan umum terhadap data (Cresswell 2012). Setelah proses transkripsi selesai, data-data yang diperoleh disusun. Proses ini dinamakan organisasi data yang bertujuan untuk memudahkan proses rujukan semula data (Gay & Airasian 2003). Penyelidik meneliti data-data yang diperoleh dengan mendengar kandungan temu bual dalam rakaman, membaca semula transkrip dan membuat ringkasan. Proses pengekodan dilakukan dengan mengesan segmen teks dan menetapkan label kod kepadanya sebelum teks di kod ke dalam bentuk jenis dan tema (Cresswell 2012).

4.0 Dapatan Kajian

Dapatan kajian mengemukakan program bimbingan yang dilaksanakan di dua kategori pusat pemulihan akhlak iaitu kelolaan Jabatan Penjara Malaysia dan kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pusat pemulihan akhlak kelolaan Jabatan Penjara Malaysia (JPM) menempatkan para pesalah juvana yang dijatuhkan hukuman di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 oleh Mahkamah Juvana. Manakala, kanak-kanak berumur di bawah 14 tahun yang terlibat dengan jenayah pula ditempatkan di pusat pemulihan akhlak kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (<https://www.jkm.gov.my/jkm>).

4.1 Pelaksanaan Program di Pusat Pemulihan Akhlak Kelolaan Jabatan Penjara Malaysia

Penubuhan pusat pemulihan bertujuan untuk membantu memulihkan akhlak remaja atau pelatih yang dimasukkan ke institusi pemulihan akhlak atas arahan daripada mahkamah. Konteks pemulihan pelatih atau pesalah muda ini telah dibangunkan dan diselia di bawah Program Pembangunan Insan (PPI) di bawah Bahagian Pemulihan dan Rawatan Jabatan Penjara Malaysia yang telah dilancarkan pada tahun 2004. Di bawah PPI, pesalah muda perlu menjalani empat fasa pemulihan iaitu fasa orientasi, fasa pengukuhan sahsiah, fasa kemahiran dan fasa pra bebas. Terdapat modul yang dirangka khusus bagi program pengukuhan rohani dan jasmani pelatih sebagai panduan dan bimbingan bagi pelaksanaan proses pemulihan remaja yang terlibat dengan salah laku delinkuen ini.

Pusat pemulihan Akhlak kelolaan Jabatan Penjara Malaysia menggunakan modul yang dinamakan 'Modul Putra' sebagai asas bagi pemulihan akhlak. Modul ini dijadikan sebagai panduan dalam pelaksanaan program pemulihan akhlak khusus kepada pesalah muda yang telah disabitkan hukuman penjara seperti ditetapkan oleh Jabatan Penjara Malaysia (JPM). Program pemulihan ini adalah mandatori dan setiap pesalah muda perlu mengikuti modul pemulihan sehingga selesai sebelum menjalani proses pengintegrasian semula ke dalam masyarakat. Pesalah muda diberikan ruang dan peluang sepanjang berada di penjara untuk memperbaiki diri mereka kembali seterusnya membentuk diri mereka menjadi individu yang berpengetahuan dan berkemahiran.

Berikut adalah program yang dijalankan di pusat pemulihan berpandukan Modul Putra. Modul Putra ini dilaksanakan secara berfasa. Menurut informan 1:

"Di sini kita ada "Modul Putra". Dia ada fasa-fasa dia lah. Modul ini dibangunkan oleh Jabatan Penjara Malaysia dan untuk institusi ini di seluruh Malaysia" (Informan 1)

Terdapat tiga fasa dalam pelaksanaan Modul Putra. Menurut informan 2 pula:

"Ada 3 fasa sahaja dalam Modul Putra. Pertama, fasa organisasi. Fasa ini kita akan mengajar dia benda yang asas. Bagaimana nak membentuk jati diri dia terutama disiplin sebab tu kita ada kawad, asas agama untuk dia rujuk, kenegaraan, disiplin dan lagu negaraku. Sebab ada yang masuk ni lagu negaraku pun tak tahu. Jadi kat situ dibentuk semula jadi diri supaya kawad tu adalah benda yang wajib sebab itu disiplin kan" (Informan 2).

Fasa pertama dalam pelaksanaan Modul Putra adalah bermula dengan pengajaran perkara yang asas kepada para pelatih bertujuan membentuk dan membina jati diri serta disiplin pelatih sepanjang melalui proses pemulihan di pusat pemulihan ini. Antara perkara asas yang diajar ialah asas ilmu agama, asas kenegaraan seperti menghormati dan menyanyi lagu negaraku serta asas disiplin yang tinggi seperti melakukan aktiviti kawad kaki. Azizi Yahya, Noordin Yahya & Junaidah Bachok (2010) yang turut menjalankan kajian berkaitan Permasalahan Sosial di Kalangan Remaja, telah menyenaraikan beberapa penyelesaian terhadap permasalahan keruntuhan akhlak yang berlaku antaranya iman yang mendalam, akhlak yang terpuji, takwa, berkasih sayang, pergaulan dan hidup bersama secara baik dalam keredhaan Allah SWT, amanah dan bertanggungjawab. Semua permasalahan yang ditemui ini adalah berkait rapat dengan elemen-elemen kecerdasan spiritual seseorang.

Berikutnya ialah fasa kedua dalam Modul Putra iaitu aspek kemahiran. Menurut informan 2;

"Dan dah habis kat situ dia akan beralih pula kepada fasa kedua iaitu kat situ kemahiran. Kemahiran yang daripada pecahan kluster. Kita ada kluster Pendidikan (yang ambil SPM dalam ni), kemudian kluster kesenian (dia ada pancaragam, busking, teater) dan apa-apa berkaitan kesenian. Kemudian kluster kemahiran bengkel (bersijil) seperti SKM tahap satu, dua, kemudian kluster agama (makluman daripada akademik kita ada sekolah agama JAIM (kerjasama antara institusi dan Jabatan Agama Islam Melaka) dan

untuk yang ambil sekolah agama ni tahapnya rendah. Kemudian kluster sukan (mereka boleh sampai ke peringkat luar negeri dan ada yang mewakili Malaysia) untuk sukan-sukan yang kami sediakan di sini berpotensi besar seperti tinju, muay thai dan angkat berat” (Informan 2).

Fasa kemahiran ini dibahagikan kepada lima kluster ialah kluster pendidikan, kluster kesenian, kluster kemahiran bengkel, kluster agama dan kluster sukan. Pecahan kluster ini bertujuan untuk mengasah bakat, potensi dan minat pelatih dalam kemahiran yang disukai. Para pelatih diberi kebebasan dan pilihan untuk menentukan jenis bidang kemahiran yang diminati dan ditempatkan mengikut kelas kemahiran yang dipilih.

Fasa akhir dalam Modul Putra ini ialah fasa kemahiran luar. Informan 2 menjelaskan:

“Dan fasa terakhir sekali adalah kemahiran luar. Di mana penghuni ni ambik masa 6 bulan sebelum bebas yang kita akan bagi dia keluar supaya dia terbiasa dengan environment luar dan juga mereka akan terlibat dengan program-program masyarakat contoh program korban, bersih rumah dan kerja-kerja yang macam tu lah” (Informan 2).

Fasa kemahiran luar yang mengambil masa 6 bulan sebelum pelatih dibebaskan dari pusat pemulihan. Ini bertujuan untuk membiasakan pelatih dengan persekitaran luar sebelum tamat proses pemulihan. Antara program dan aktiviti kemahiran yang dilakukan di luar ialah penglibatan pelatih dengan program-program kemasyarakatan seperti bergotong-royong membersihkan rumah, program sembelihan ketika hari raya korban dan pelbagai program tambahan lain. Dapatan kajian mendapati pelaksanaan modul Putra ini dilaksanakan dengan baik di pusat pemulihan akhlak. Ini sejajar dengan dapatan Kamaluddin, M. R., Selamat, M. N. dan Othman, A. (2021) yang menyatakan bahawa modul komprehensif yang dibina oleh Jabatan Penjara Malaysia (JPM) memberikan kesan yang positif. Selain itu, terdapat kajian-kajian lain yang turut mengemukakan berkaitan keberkesanan program pemulihan. Menurut Bidin (2008) dan Yahaya (2004), modul pemulihan yang dilaksanakan berkesan dan dapat mengubah personaliti daripada negatif kepada personaliti positif. Setelah tamat program pemulihan, pesalah muda atau banduan didapati meningkat aspek motivasi, kebolehan dalam mengawal emosi dan penghargaan sendiri. Kajian Yahaya et al. (2004) pula mengemukakan bahawa pelaksanaan program pemulihan banduan dan pesalah muda oleh Jabatan Penjara Malaysia (JPM) berjaya mencapai objektif pemulihan banduan yang signifikan. Hasil daripada program pemulihan didapati terdapat pesalah muda yang dapat meningkatkan kemahiran vokasional seterusnya boleh berdikari dan berkhidmat untuk masyarakat. Terdapat juga antara mereka yang mempunyai minat untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi setelah tamat tempoh hukuman dan berkebolehan melaksanakan perkara-perkara asas dalam menjalani kehidupan serta menjadi individu yang lebih berdisiplin (Yahaya et al., 2004).

Para pelatih menjalani hukuman melalui sistem pendidikan serta proses pemulihan akhlak melalui modul-modul tertentu termasuklah pendidikan agama di institusi pemulihan akhlak ini. Objektif utama pendidikan di institusi pemulihan ini bertujuan memperbaiki dan mengukuhkan akhlak pesalah juvana di samping menekankan pendidikan yang mampu menjamin masa hadapan mereka. Pendapat ini selari dengan Hasnizam Hashim et al. (2018) yang mengemukakan keperluan penekanan terhadap

program pemulihan dalam penjara bagi mengurangkan kecenderungan kesalahan berulang. Program pemulihan yang efektif berupaya menghalang pesalah daripada mengulangi perbuatannya pada masa akan datang (Mohd Taufik & Suhaila Zailani, 2021).

Kajian ini mendapati Modul Putra yang dilaksanakan di institusi pemulihan akhlak kelolaan Jabatan Penjara Malaysia adalah berkesan kerana para pelatih menunjukkan peningkatan yang baik dari aspek motivasi, penghargaan sendiri dan kebolehan mengawal emosi serta peningkatan dalam kemahiran vokasional sehingga boleh berdikari sendiri setelah diintegrasikan semula ke dalam masyarakat. Dalam konteks pemulihan akhlak, modul Putra yang dilaksanakan kepada banduan atau pesalah muda di pusat pemulihan akhlak mempunyai kesan yang signifikan dalam membentuk tingkah laku yang positif.

4.1.2 Pelaksanaan Program Pemulihan Akhlak di Institusi Pemulihan Kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

Program pemulihan akhlak yang dilaksanakan oleh pusat pemulihan kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat turut memberi tumpuan kepada program pemulihan akhlak remaja yang bermasalah. Program pemulihan akhlak di pusat pemulihan ini memberi fokus terhadap aspek kerohanian dan kemahiran. Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyediakan modul khusus bagi pemulihan akhlak menerusi pembangunan aspek kerohanian. Modul Kerohanian ini dijadikan panduan yang digunapakai oleh semua pusat pemulihan akhlak kelolaan JKM. Menurut informan 4,

“Di JKM, kita baru sahaja melihat satu modul baru yang dipanggil modul pemerksaan kerohanian. Pembangunan modul ini adalah dengan memanggil semua pengetua-petgetua Sekolah Tunas Bakti, Asrama Akhlak untuk bersama pihak JAKIM bagi membangunkan modul kerohanian ini” (Informan 4).

Kenyataan informan 4 ini menjelaskan bahawa pemerksaan kerohanian pelatih dilaksana di pusat pemulihan akhlak kelolaan JKM modul kerohanian yang disediakan. Modul ini dibangunkan hasil perbincangan dan kerjasama antara pihak pengetua di pusat pemulihan dan pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Modul Kerohanian ini memberi pengukuhan aspek kerohanian dan keagamaan agar dapat mengembalikan semula sahsiah serta jati diri golongan remaja ke arah yang lebih baik.

Tambah informan 4 lagi,

“kalau yang muslim memang kita ikut modul ni lah berdasarkan kepada kemasukan pelatih maksudnya fasa-fasa sebab di sini kita memang wujudkan system grading ataupun fasa. Kita akan buat program yang saya cakap tadi tulah. Maksudnya qiamullail lah lebih kepada kerohanian. Sebab yang lain tu macam atau sebagai menghiasi sahaja taman ini. Yang core dia tu pada kerohanian agama lah. Kembali balik pada agama. Dan saya melihat juga bila kita buat sama-sama ialah bila kita selawat sekali dengan alunan yang lebih membawa kepada dia menangis apa semua menginsafi tu dia ambil masa yang begitu saya rasa dalam 3 bulan kut tempoh tu untuk dia lembut. (Informan 4).

Kenyataan informan 4 di atas, menjelaskan bahawa modul kerohanian ini dilaksanakan kepada pelatih atau penghuni yang beragama Islam secara berfasa. Antara pengisian program atau aktiviti modul ini ialah solat malam (qiamullail) serta mengalunkan selawat kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW secara beramai-ramai. Amalan ini membantu untuk memberi kesedaran dan menimbulkan rasa keinsafan dalam diri remaja itu sendiri. Aktiviti atau program seperti ini sangat perlu ditekankan dan diamalkan oleh setiap pelatih supaya dapat membentengi diri daripada berlakunya perkara yang boleh merosakkan diri remaja sendiri.

Antara program atau aktiviti lain yang dianjurkan oleh pusat pemulihan kelolaan JKM ini ialah dengan mengadakan kuiz dan pertandingan semasa sesi pembelajaran contohnya berkaitan sirah Rasulullah SAW dan pengajian al-Quran. Pelajar yang tamat sesi pembelajaran pengajian al-Quran diraikan dengan mengadakan Majlis Khatam al-Quran. Ini bertujuan meraikan usaha remaja yang rajin dan konsisten dalam pengajian al-Quran sehingga menamatkan bacaan 30 juzuk al-Quran. Menurut informan 4:

“Alhamdulillah kalau kita ikutkan boleh follow di mana sesi pembelajaran kita macam ni kita ada kuiz kita ada pertandingan. Contoh, kita ambil satulah akhlak Rasulullah kan di mana dia orang akan cuba menghayati apa yang telah diajar oleh Ustaz atau Ustazah kemudian kita adakan satu hari di mana hari pertandingan untuk mereka sama ada berpuisi ke sajak ke apa-apalah tentang akhlak rasulullah tadi. Dari segi yang lain, contohnya pengajian al-quran di mana mereka juga diberi orang kata seperti majlis naik al-quran, kita ada pulut kuning kan yang kita buat kat kampung kita buat jugak kat sini. Jadi, mereka seronok. (Informan 4)

Di samping itu, informan 4 juga berkata,

“Dia secara bersemuka yang akan disampaikan oleh pembantu hal ehwal islam daripada JAKIM. So, katakanlah kita dah masuk modul yang silibusnya tu dah kedua-dua ada pelatih baru datang dia dah ke depan jadi kita kena selaras dengan kemasukan pelatih tersebut agar semua modul dan silibus yang ada kat dalam tu diakhir pelatih untuk pembebasan nanti dia orang akan capailah” (Informan 4)

Berdasarkan kenyataan di atas, menunjukkan program yang dijalankan adalah diadakan secara bersemuka dan disampaikan oleh pembantu hal ehwal Islam daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Program pendidikan dan pembelajaran adalah mengikut kepada ketetapan modul dan silibus yang ditetapkan selaras dengan kemasukan pelatih atau penghuni di institusi pemulihan. Hal ini kerana, bagi membantu pelatih mencapai tahap pengetahuan dan pendidikan agama yang baik sehingga selesai tempoh pemulihan. Melalui program dan aktiviti yang dijalankan mengikut modul, diharapkan golongan remaja atau pelatih dapat beramal dengan segala ilmu serta pengetahuan yang telah dipelajari agar ianya bermanfaat untuk kesejahteraan mereka di dunia dan akhirat kelak. Informan 4 juga menyatakan pendapat beliau berkaitan kaedah membangunkan jati diri remaja menerusi amalan kerohanian iaitu;

“Jadi maknanya saya boleh simpulkan bahawa untuk mengembalikan jati diri remaja ni kita satu kita mesti kembali kepada pengamalan agama tapi pengamalan agama pun dia mesti datang daripada kesedaran dia sendiri dia nak buat niat dia kalau tak macam jadi tadi dia pergi solat qiamullail tapi dia tak ambil wuduk maknanya dia just follow supaya dia tak didenda dia ikut je peraturan. Tapi ada yang boleh mengembalikan jati diri dia dengan mengikuti program kerohanian dengan niat dia sendiri sebenarnya dia boleh memulihkan diri dia berbalik kepada pertama kali Kita mesti menanamkan rasa kesedaran kut, kesedaran untuk dia beramal tu dia tahu dia buat apa” (Informan 4)

Kenyataan informan 4 ini mengemukakan bahawa kaedah untuk mengembalikan jati diri remaja delinkuen adalah dengan kembali kepada penerapan dan penghayatan agama. Walaupun jika penghuni tersebut pada awalnya hanya melaksanakan sesuatu amalan dengan sekadar untuk mengikuti dan atas sebab peraturan namun lama kelamaan mereka akan terbiasa dan mendapat kesedaran untuk berubah. Selain itu, perkara yang paling penting untuk memulihkan dan membangunkan jati diri adalah individu ataupun diri pelatih sendiri perlu mempunyai niat yang ikhlas untuk berubah serta beramal dengan segala ilmu yang dipelajari.

Seterusnya adalah pemeraksanaan aspek kemahiran menerusi program, aktiviti, bengkel atau kelas-kelas kemahiran yang disediakan oleh pihak pusat pemulihan kepada para pelatih mengikut kecenderungan minat masing-masing. Menurut informan 3:

“Kemudian, lebih kurang dalam 4 bulan macam tu, baru mereka akan masuk ke bengkel-bengkel berdasarkan minat penghuni lah sebagai contoh kalau kat sini kita ada bengkel gunting rambut bengkel automotif bengkel elektrik so dia orang boleh pilih bengkel-bengkel tu dan selepas tu juga kita ada program kerjasama dengan CIDB setakat ni” (Informan 3).

Kenyataan informan 3 ini menunjukkan bahawa pelbagai bengkel kemahiran disediakan bagi pelatih antaranya bengkel gunting rambut, bengkel automotif dan bengkel elektrik. Selain itu, terdapat juga program-program kemahiran secara kerjasama dengan industri antaranya ialah *Construction Industry Development Board* (CIDB) yang diusahakan untuk para pelatih. Informan 3 menjelaskan:

“Penghuni tadi anak-anak ni kita akan hantar ke CIDB di luar dan mereka akan belajar sijil kemahiran melalui program CIDB di luar ataupun bagi anak-anak yang berminat untuk menyambung pelajaran kita ada sediakan cikgu sekolah dan cikgu akan datang mengajar hari Selasa hari Rabu Hari Khamis subjek mata pelajaran bahasa Melayu dan Sejarah” (Informan 3).

Selain diberi pilihan untuk menyertai bengkel dan program CIDB, terdapat juga pilihan lain iaitu bagi penghuni yang berminat untuk menyambung pelajaran di sekolah. Pihak pusat pemulihan sangat menggalakkan serta memberi sokongan kepada penghuni yang berminat dan ingin ke sekolah bagi menyambung pelajaran. Pihak pusat menyediakan guru yang akan datang ke pusat pemulihan untuk mengajar penghuni tersebut. Pengajaran dilaksanakan pada setiap hari Selasa, Rabu dan Khamis serta mata pelajaran yang dipelajari ialah Bahasa Melayu dan Sejarah. Bengkel, program dan kelas yang disediakan kepada penghuni ini berupaya mengasah minat dan bakat penghuni

agar apabila tamat tempoh pemulihan mereka dapat mempraktikkan segala ilmu dan kemahiran yang telah dipelajari. Oleh itu, melalui ilmu yang dipelajari juga dapat meningkatkan kemahiran dan keilmuan agar berupaya meneruskan kehidupan mereka supaya masa depan lebih cerah seperti insan-insan lain yang berjaya sama ada dalam bidang akademik mahupun kurikulum.

Menurut Nadiyah Jamlus (2018), pusat pemulihan akhlak negeri Selangor kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat menyasarkan pelatihnya memiliki diploma menerusi kerjasama dengan institusi dan kolej yang terpilih. Pengetuannya, Muhammad Razmee Abd Razak berkata, sehingga tahun 2018 terdapat kira-kira 25 pelajar mengikuti kursus pembinaan dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Akademi Binaan Malaysia. Ini bertujuan untuk membantu dan memberikan peluang pekerjaan kepada pelajar-pelajar untuk membantu negara sekali gus menambah bilangan pekerja yang mahir dalam bidang pembinaan. Ini seiring dengan usaha pihak kerajaan untuk meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju dengan memperluas dan memenuhi keperluan industri terhadap tenaga kerja mahir sebagai laluan kerjaya.

Menurut informan 4 berkata,

“Dekat sini ada dua. Satu pembelajaran formal, satu lagi pembelajaran lebih kepada vokasional. Di mana formal seandainya ibu bapa dia memberi keyakinan bahawa anak mereka boleh bersekolah dekat luar kita teruskan dan cuba usahakan untuk bersekolah di luar sekitar ABKL ni. Sekiranya ibu bapa tidak memberi kerjasama, memberi keyakinan bahawa anak mereka boleh bersekolah di luar kita akan masuk kepada sesi vokasional. Di mana kita sediakan kat sini kelas jahitan, masakan. Ini kelas SKM (Sijil Kemahiran Malaysia)” (Informan 4)

Kenyataan di atas menjelaskan bahawa terdapat dua dimensi pembelajaran iaitu satu pembelajaran formal dan kedua ialah pembelajaran vokasional. Pembelajaran formal adalah khas kepada para ibu bapa yang yakin dan memberi keizinan kepada anak mereka untuk bersekolah di sekolah harian. Namun, sekiranya ibu bapa tidak memberi keizinan untuk menghantar anak-anak ke sekolah harian maka pelatih meneruskan dengan pembelajaran bagi sesi vokasional di pusat pemulihan. Antara program yang disediakan di bawah pembelajaran vokasional ialah kelas jahitan dan kelas masakan. Jika pelatih mengikuti kelas kemahiran ini, mereka memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam bidang yang diceburi.

Kajian mendapati, Pusat pemulihan akhlak kelolaan JKM menyediakan program-program ini bertujuan meningkatkan aspek kerohanian dan kemahiran para pelatih. Dapatan Ibrahim, N., Mansor, N. H. dan Yusoff, Y. M. (2020) mengemukakan bahawa kebanyakan pusat pemulihan dan pusat koreksional dibahagikan kepada empat bentuk iaitu pemulihan berasaskan keagamaan/kerohanian, pemulihan berasaskan bimbingan dan kaunseling Islam, pemulihan berasaskan pengintegrasian latihan vokasional dan pendidikan serta pemulihan berasaskan pembangunan fizikal dan sosial.

Program bagi pemulihan akhlak perlu dilaksanakan dengan kembali menghayati ajaran Islam yang bersumberkan Al-Quran dan al-Sunnah. Modal insan yang mengikut acuan Al-Quran ialah melaksana dan merealisasikan amanah sebagai seorang khalifah dan dalam masa yang sama beribadah kepadaNya (Muhammad Afif Rosli, Muhammad Talhah Ajmain, Sharul Fitry Abdul Majid & Muhammad Na'im Iman Zulkifly, 2019). Selari dengan kajian Nurzatil Ismah Azizan, Mohd Yakub@Zulkifli Mohd Yusoff dan Nazneen Ismail (2018) mendapati bahawa keteguhan iman dan amalan istiqamah menjadi asas dalam pembinaan jati diri remaja.

Kajian Aisyah, Mariam dan Nurzatil (2022) mengemukakan antara program pembangunan fizikal yang dilaksanakan bagi program pemulihan golongan remaja ialah memilih persekitaran/kelompok yang baik dan soleh, uzlah (mengasingkan diri), menghadiri majlis/program ilmiah seperti usrah dan kem motivasi, memilih ikon/idola yang baik, melakukan kebaikan dan meninggalkan perkara yang dilarang agama dan melakukan aktiviti berkaitan pembangunan akidah, akhlak dan syariah. Pengamalan ibadah perlu dilaksanakan secara bersepadu dalam pembangunan akidah, syariah dan akhlak (Ahmad Puat & Abdullah, 2018).

Kaedah pembangunan jati diri remaja berasaskan kepada aspek pembangunan fizikal seperti melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti rekreasi seperti sukan, gotong-royong, senamrobik merupakan platform yang sangat penting dalam proses pembangunan jati diri remaja delinkuen. Melalui aktiviti-aktiviti ini secara tidak langsung dapat membantu golongan remaja merehatkan minda bahkan juga melahirkan tubuh badan yang sihat dan cergas (Ibrahim, N., Mansor, N. H. & Yusoff, Y. M., 2020). Program pemulihan akhlak menerusi pembangunan jati diri perlu seimbang antara pembangunan fizikal dan spiritual mengikut acuan dan panduan al-Quran dan al-Sunnah (Karim, M. S. A. A., Long, A. S., & Badaruddin, F., 2021).

5.0 Kesimpulan

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa program pemulihan akhlak remaja yang dilaksanakan di pusat pemulihan akhlak kelolaan Jabatan Penjara Malaysia dan pusat pemulihan akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat memberi fokus terhadap aspek pembangunan spiritual dan fizikal. Gabungan kedua-dua aspek ini perlu dilaksanakan secara bersepadu sejajar dengan keperluan hakiki insan yang diciptakan dari unsur spiritual iaitu ruh dan fizikal iaitu tanah. Kepentingan aspek spiritual dan fizikal dalam usaha dan proses pembangunan jati diri remaja adalah akan membantu melahirkan remaja Muslim yang seimbang kehidupan dunia dan akhirat. Adalah diharapkan agar dapatan kajian ini memberi input signifikan kepada pusat-pusat pemulihan akhlak sama ada agensi kerajaan ataupun swasta dalam memulihkan dan membangunkan jati diri remaja agar terhindar daripada terjebak dengan salah laku delinkuen. Dapatan juga bermanfaat memberikan aspek-aspek yang perlu difokuskan dalam melaksanakan program-program pemulihan kepada remaja delinkuen ketika dimasukkan ke pusat-pusat pemulihan akhlak.

Penghargaan

Penghargaan diberikan kepada Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) 2020. No. Geran: FRGS/1/2020/SS10/KUIS/01/1, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang bertajuk 'Pembentukan Model Pembangunan Jati Diri Remaja Delinkuen di Malaysia Menurut Perspektif Islam'.

6.0 Rujukan

- Abd. Rahim, A. R. (2006). Menangani Perkembangan dan Masalah Tingkah Laku Remaja dalam Keluarga. Universiti Malaya: Pusat Pembangunan Keluarga.
- Abu Bakar, A. A. & Hamzah, M. I. (2019). Faktor Keterlibatan Remaja dengan Masalah Sosial. *Jurnal Hadhari*, 11 (1), 1-17.
- Ahmad Puat, N. D., & Abdullah, B. (2018). Pembinaan Jati Diri Remaja Felda Melalui Aktiviti Dakwah Organisasi Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Temporari*, Vol. 18 (1), 52-63.
- Airasian, P. & Gay, L. R. (2003). Educational Research: Competencies for Analysis and Applications. New Jersey: Pearson Education.
- Aisyah Humairak Abdul Rahman, Mariam Abd. Majid & Nurzatil Ismah Azizan. (2022). Kaedah Pembangunan Jati Diri Remaja Delinkuen Menurut Perspektif Islam: Tinjauan Sorotan Literatur. *Jurnal Pengajian Islam*, Vol. 15, Isu 2, Halaman 15-33.
- Alimin, N. A. 17 Ogos 2020. Remaja Bersalah Bunuh 23 Pelajar, Guru Tahfiz. <https://www.sinarharian.com.my/article/97039/BERITA/Mahkamah/Remaja-bersalah-bunuh-23-pelajar-guru-tahfiz>. Diakses pada 25 Mei 2022.
- Andriani, R. (2020). Evaluasi Pembelajaran Online Matematika Siswa Kelas 5 SD Negeri 5 Metro Kampus. Institut Agama Islam Negeri.
- Azizan, N. I. & Mohd Yusoff, Z. (2018). Pembentukan Jati Diri Remaja Melalui Pembelajaran Persekitaran Sosial: Analisis Menurut Perspektif Al-Quran. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 217-230.
- Azizi Yahya, Noordin Yahya & Junaidah Bachok. (2010). Perkaitan Antara Hubungan Kekeluargaan, Pengaruh Rakan Sebaya Dan Kecerdasan Emosi Dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar Sekolah Bestari Di Daerah Pontian. (Tidak diterbitkan)
- Bidin, S. N. B. S., Yakub, M. & Yusoff, Z. H. M. (2008). Perubahan Personaliti Kesan Uslub Tabshir dan Indhar: Kajian Kes di Sekolah Henry Gurney (SHG). *Jurnal Usuluddin* 27, 41-59.
- Che Hassan, N. (2014). Dinamika Kendiri Remaja. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Creswell, J. W. (2012). Research Design: Qualitative, Qualitative & Mixed Methods Approaches. Thousand Oaks: Sage.
- Daud, Ridauddin. 2 November 2021. Kes kematian Zulfarhan: 18 penuntut UPNM didapati bersalah. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-kematian-zulfarhan-18-penuntut-upnm-didapati-bersalah-328656>. Diakses pada 20 Mei 2022.
- Ibrahim, N., Mansor, N. H. & Yusoff, Y. M. (2020). Bentuk-bentuk Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks di Malaysia: Suatu Sorotan Literatur. *Jurnal Usuluddin* 48 (2), 1-23.

- Ismail, A. M., Stapa, Z. & Suhaimi, S. A. (2012). Islam dan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 143-154.
- Ismail, K. (2022) Masalah Juvenil. Retrieved from Utusan Online: http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0203&sec=Bicara_Agama&pg=ba_03.htm#ixzz57AAiviVN. Dikases pada 17 Mei 2022.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2023). Diakses pada 9 Februari 2023. <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/full&id=Y3psVIBiMUMvNThseTRuUXc1Q0RKdz09>.
- Jasmi, K. A. (2021). Metode Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif untuk Pengajian Islam dan Pendidikan Islam, Siri 5. Conference: Bengkel Reka Bentuk Penyelidikan Kualitatif dan Analisis Data, Webex Dewan Maya.
- Kamaluddin, M. R., Selamat, M. N. & Othman, A. (2021). Delinkuensi Remaja Isu, Intervensi & Pemulihan. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Karim, M. S. A. A., Long, A. S., & Badaruddin, F. (2021). Pendidikan Akhlak Dalam Menangani Isu Gejala Sosial Pelajar. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, Vol. 1, Issue 2, 49-60.
- Puteri, A. (2019). Pengaruh Konformitas Terhadap Perilaku Delinkuen Merokok Pada Remaja Perempuan. Fakultas Pendidikan Psikologi, Universitas Negeri Jakarta.
- Madon, Z. & Ahmad, M. S. (2004). Panduan Mengurus Remaja Moden. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Mastura Bohari & Farahwahida Mohd Yusof (2020). Pendidikan Keibubapaan Melalui Santunan Fitrah Nabi Ya'qub A.S Dan Pendekatannya Bagi Menangani Salah Laku Remaja. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies Full Paper* [pp. 113- 123].
- Merriem, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Application in Education*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Muhammad Afif Rosli, Muhammad Talhah Ajmain, Sharul Fitry Abdul Majid & Muhammad Na'im Iman Zulkifly. (2019). Pengaruh Hassan Al Banna Dalam Pembentukan Jati Diri Muslim. *Proceedings of ISPC*.
- Nadiah Jamlus. (2018). Selangor Kini: Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi Sasar Pelajar Raih Diploma. Diambil daripada <https://selangorkini.my/2018/11/sekolah-tunas-bakti-sungai-besi-sasar-pelajar-raih-diploma/>.
- Nurzatil Ismah Azizan, Mohd Yakub@ Zulkifli Mohd Yusoff & Nazneen Ismail. 2018. "Pembentukan Jati Diri Remaja Dalam Aspek Ruhiah Menurut Perspektif Al-Quran: Analisis Terhadap Ikon Remaja Dalam Al-Quran". *Jurnal Pengajian Islam*11(1): 64–74.
- Noor Hafizah Mohd Haridi, Norsaleha Mohd Saleh & Khairul Hamimah Mohammad Jodi. (2019). Penerapan Elemen Kerohanian Terhadap Remaja Berisiko Di Pertubuhan Kebajikan Darul Islah Malaysia (PERKID). *Online Journal of Research in Islamic Studies*, Vol. 6, Special Issue.
- Noor Hafizah Mohd Haridi. (2016). Program Agama di Pusat Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Kajian Dari Aspek Pelaksanaan dan Keberkesanan. Tesis Doktor Falsafah: Universiti Malaya.
- Othman Lebar. (2022). Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode (Edisi KEdua). Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Saparudin, I. F. & Che Soh, S. N. (2018). Elemen Psiko-Spiritual Dalam Menangani Delinkuensi Remaja. *Human Sustainability Procedia (INSAN 2018 E-Proceeding)* (pp. 417- 422). Johor Bahru: Universiti Tun Hussein Onn.

- Tunggak, B., Ngadi, S. & Abu Naim, H. (2015). Delinkuen Pelajar Dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja/ Pelajar Muslim Bersepadu. *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 11-30.
- Umah, Y. C. (2016). Pendidikan Agama Islam Sebagai Pencegah Juvenile Delinquency. *Jurnal Lentera*, Vol. 14, No. 2. 173-185.
- Wan Nurnajihah Mat Din et. al. (2022). Nomophobia Dalam Kalangan Remaja Di Daerah Besut, Terengganu. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, Vol. 8, No. 25. 58-77.
- Yahaya, A., Yow, K. G. & Abdul A. H. (2004). The Effectiveness of Behavioral Rehabilitation Juvenile Programmes in Henry Gurney School and Tunas Bakti School.
- Yin, R. K. (1994). *Case Study Research: Design and Method*. USA: Sage Publications Inc.
- Yusmadini, V. (2016). Hubungan Sibling Rivalry Dengan Perilaku Delinkuen Pada Remaja di SMA PAB 8 SAENTIS. Medan: Fakultas Psikologi Universitas Medan.